

Ayah menyesal

BIH 6/6/12 m8

FOTO | Ezairi Shamsudin

>>Oleh Shamsul Munir Safini

shamsulmunir@hmetro.com.my

LANGKAWI: “Isteri mententeramkan saya yang cuba menyalahkan diri apabila melihat mayat Yasmin dalam keadaan terbaring tidak bernyawa selepas terbabit dalam kemalangan sejurus dia keluar rumah kerana merajuk akibat dimarahi.”

Begitu kata Johan Eusoff Abdullah, 44, bapa kepada Yasmin, 17, yang meninggal dunia selepas motosikal yang dinaiki bersama dua rakan perempuan lain dirempuh sebuah van dalam kemalangan di persimpangan lampu isyarat Kampung Padang Gaung, di sini, awal pagi kelmarin.

Johan yang tinggal di Taman Seri Aman, dekat sini, berkata, anak sulung daripada empat beradik berkenaan merajuk selepas dimarahinya selepas arwah enggan berkongsi bilik dengan adiknya, Ayesha berusia 11 tahun.

Katanya, kira-kira jam 11 malam sebelum kejadian itu, dia sedang memasang katil milik adik Yasmin di dalam bilik yang diduduki arwah sejak kecil.

“Apabila diberitahu bahawa adik bongsonya akan tinggal di dalam bilik berkenaan bersamanya, arwah terus bermasam muka dan kelihatan tidak berpuas hati.

“Namun, saya bertegas dengannya perlu berkongsi bilik dengan adik kerana usia Ayesha semakin meningkat dan tidak sesuai tidur di merata tempat termasuk di ruang tamu,” katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Johan yang bertugas sebagai pengarah sumber manusia sebuah hotel, di sini,



PILU...keluarga Yasmin sebak ketika menceritakan kejadian yang meragut nyawanya.

berkata, pada masa itu berlaku pertengkaran antaranya dengan Yasmin dan arwah yang terlalu marah turut melempar benda ke arahnya.

Katanya, akibat kecewa dengan tindakan arwah, dia bertindak memarahinya selain memukul meja di dalam bilik itu.

“Sejurus selepas itu, arwah berlari keluar dari rumah sambil berkaki ayam sebelum cuba dikejar adik lelakinya, Muiz Johan, 15, namun tidak sempat.

“Isteri, Sazlina Shahrman Shah, 44, kemudian mahu mencarinya, namun saya menghalangnya kerana mahu memberi pengajaran kepadanya supaya tidak bersikap keras hati,” katanya.

Menurutnya, sejurus selepas memasang katil untuk adik arwah, dia tidak menjumpai cadar berwarna lain yang ingin dipasang di atas tilamnya selain cadar berwarna putih.

Katanya, dugaan kemudian mendatang apabila dia menerima panggilan telefon sejam kemudian memaklumkan Yasmin terbabit dalam kemalangan ngeri berkenaan.

“Luluh hati saya mendengar khabar sedih itu sebelum bergegas ke tempat kejadian dan perasan selalu jeans yang dipakai arwah yang terbaring kaku di kawasan kemalangan itu.

“Saya bagaikan kesal kerana memarahinya, tetapi perlu menerima takdir Tuhan dengan penuh reda,” katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 12 tengah malam, Yasmin bersama dua rakannya, Nur Hazwani Mansor, 16, dan Nur Afiqah Aaina Ridzwan, 16, mati serta-merta di tempat kejadian apabila motosikal dinaiki mereka dirempuh sebuah van pelancong.

Sementara itu, bapa Nur Hazwani, Mansor Md Nanyan, 47, berkata, sebelum kejadian, anaknya ada memberitahu mahu keluar dan menunggang motosikal milik kakaknya, Nur Hafika, 18, untuk pergi makan bersama dua rakannya, sekali gus menghantar mereka pulang.

“Saya baru tiba di rumah kira-kira jam 11.50 malam (Ahad) sebelum dimaklumkan anak ketiga daripada empat beradik itu maut da-

MAUT



YASMIN



NUR HAZWANI



NUR AFIQAH

lam kemalangan berkenaan bersama dua lagi rakannya,” katanya.

Manakala, bapa kepada Nur Afiqah, Ridzuan Abdul Rahman, 41, berkata, kembar lelaki arwah, Mohd Afiq Akmal, 16, kini tidak mahu meninggalkan Langkawi selepas kejadian menimpa adik kembarnya itu.

“Kini, saya hanya mempunyai seorang anak selepas pemergian Nur Afiqah yang juga anak perempuan tunggal kami,” katanya.